SELAMAT DATANG
ke

# UNIT PERANCANGAN DAN RAWATAN RADIOTERAPI

Unit Perancangan dan Rawatan Radioterapi terletak di aras bawah tanah/'basement', Blok Klinikal, Hospital Canselor Tuanku Muhriz. Unit ini boleh diakses melalui lif yang terletak di luar pintu masuk Unit Rawatan Harian Onkologi (URHO)

## Objektif Unit

1. Menyediakan perkhidmatan rawatan radioterapi dan brakiterapi bagi pesakit-pesakit kanser HCTM bagi tujuan rawatan kanser secara radikal atau paliatif.
2. Memastikan rawatan radioterapi dan brakiterapi dapat dilaksanakan dengan tepat dan sesuai pada masanya.
3. Memartabatkan HCTM sebagai sebuah pusat latihan perancangan dan rawatan radioterapi dan brakiterapi bagi pakar-pakar pelatih sarjana klinikal onkologi dan juga pelatih-pelatih juru-xray terapi (RTT).

## Apa itu Radioterapi?

Radioterapi ialah satu rawatan perubatan menggunakan sinaran tenaga tinggi (sinar-X) untuk memusnahkan sel kanser atau menghalang pertumbuhannya.

## Tujuan Radioterapi

- Membunuh sel kanser.
- Mengecilkan saiz tumor sebelum pembedahan.
- Merawat simptom (seperti sakit) akibat kanser.
- Merawat pendarahan dalaman

## Perkhidmatan di UPRR

- Rawatan radioterapi secara VMAT / IMRT
- Rawatan radioterapi secara 3D-Conformal
- Rawatan radioterapi secara 2D
- Rawatan brakiterapi secara 'intracavitary' bagi kes kanser pangkal rahim
- Rawatan brakiterapi secara 'intracavitary vaginal vault' bagi kes kanser rahim

UPRR terdiri daripada :

- Pakar Onkologi
- Juru X-ray Terapi
- Pegawai Sains Fizik
- Jururawat
- PPK

Pasukan kami komited memberikan sokongan sepenuhnya dalam usaha anda menentang kanser bersama-sama kami.



# HUBUNGI KAMI

## Waktu Operasi

| Hari | Masa | Aktiviti |
|---|---|---|
| Isnin - Jumaat | 8 pg - 5 ptg | Rawatan Radioterapi |
| Selasa & Khamis | 8 pg - 5 ptg | Simulasi Perancangan |
| Isnin | 9pg - 11 pg | Pemeriksaan Mingguan |
| Rabu | 2.30 ptg - 4ptg | Pemeriksaan Mingguan |

## Waktu Penutupan

| Hari | Masa |
|---|---|
| Isnin - Khamis | 1ptg - 2ptg |
| Jumaat | 12.15 tgh hari - 2.45ptg |
| Ahad / Cuti Umum / Kelepasan Am | Tutup |

## Telefon :

Bilik Rawatan : 03-91457958
Bilik Simulasi 1 : 03-91455819
Bilik Simulasi 2 : 03-91455672
Bilik Fizik : 03-91455575
Bilik Review : 03-91455831
Kaunter UPRR : 03-91455668



# Carta Alir


**1 - Rujukan**
-Pesakit dirujuk ke Jabatan Radioterapi & Onkologi(JRO) HCTM oleh pakar klinikal seperti pakar bedah, pakar perubatan atau onkologi.

**2 - Konsultasi**
-Pakar onkologi HCTM menilai kes dan bincang pilihan rawatan.

**3 - Keputusan**
-Jika radioterapi sesuai, perancangan rawatan akan dimulakan. Pesakit / waris yang bersetuju akan menandatangani borang keizinan rawatan.

**4 - CT - Simulasi**
-Juru X-ray akan mendapatkan imej 3D tubuh pesakit bagi perancangan rawatan tepat.

- Penandaan Posisi
- Immobilizer / Acuan (jika perlu)
- Imej CT akan diambil



**5 - Perancangan Rawatan**
-Ahli fizik perubatan merancang pelan rawatan berdasarkan anatomi pesakit.

- konturisasi (Sasaran / organ yang berisiko)
- Dosimetri / Pengiraan dos
- QA plan
- Kelulusan Pakar



**6 - Implementasi Rawatan**
-Juru X-ray akan menguruskan penjadualan dan urusan pelaksanaan rawatan radioterapi

- Proses Pelan rawatan
- Menghubungi pesakit / temujanji rawatan
- Pelaksanaan rawatan (biasanya beberapa sesi)
- Pengendalian pesakit dan mesin sepanjang rawatan



**7- Rawatan Susulan**
-Untuk pantau kesan rawatan dan progres penyakit.

- Pesakit dirujuk semula ke klinik JRO

